



i Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1962 > September > 8 > Page 8 > LEMBU2 AKAN DI-BERI KPD KAUM TANI CHARAPAWAH



LEMBU2 AKAN DI-BERI KPD KAUM TANI CHARAPAWAH

Berita Harian, 8 September 1962, Page 8

Share    



Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

LEMBU2 AKAN DI-BERI KPD KAUM TANI CHARAPAWAH

KAJANG

PEJABAT Haiwan Ne-
geri Selangor telah
memberi sa-banyak 59

ekor lembu pawah kapada petani daerah Kajang
dan Ulu Langat di-bawah ranchangan pawah ke-
rajaan pada tahun 1962.

Pegawai Haiwan Daerah
Kajang Tuan H. G. Thomas
menyatakan bahawa lembu
pawah ini telah pun di-
berikan kapada petani2 di-
daerah Ulu Langat pada
bulan yang lalu.

Tuan H. G. Thomas juga
menerangkan bahawa ran-
changan pawah kerajaan
perengkat pertama pada
tahun 1961 dahulu tiap2 sa-
orang petani telah mendapat





pat sa-banyak dua ekor lembu atau pun kerbau, tetapi ranchangan pawah pada tahun 1962 ini tiap2 saorang petani telah mendapat sa-ekor sa-orang sahaja kerbau atau pun lembu.

NLB NLB

Beliau menerangkan bahawa lembu2 yang telah dipawahkan kapada petani2 bulan yang lalu sa-banyak 15 ekor kapada petani2 dibatu 18 Ulu Langat, 14 ekor kapada petani2 di-daerah batu 14 Ulu Langat, dan sa-banyak 30 ekor kapada petani2 di-kampung Sungai Merab.

Menurut Tuan Thomas lagi sa-banyak 77 ekor lagi kerbau akan dipawahkan pada penghujung bulan ini.

Petani2 yang akan menerima kerbau pawah itu sa-banyak 13 ekor di-Kampung Teras Jerueng, 34 ekor Kampung Jenderam dan 30 ekor di-Kampung Dengkil.



PEJABAT Daerah Kajang telah membelanjakan wang sa-banyak \$183,660.25 kerana memberi bantuan tanah merah untuk membuat jalan di-sapuloh buah kampong di-daerah ini.



Pegawai Daerah Kajang Inche' Othman bin Mohd. Din menyatakan pada Berita Harian bahawa perbelanjaan ini telah di-keluarkan oleh Pejabat Daerah Kajang membeli tanah merah untuk memperbaiki jalan2 enam kaki di-seluruh daerah ini.

NLB

Inche' Othman juga menerangkan bahawa kerajaan hanya menghantar tanah merah sahaja kapads penduduk2 kampong ini dan kan jalan2 ini dengan chara mereka sendiri mengerja bergotong royong.

Beliau menerangkan lagi bahawa pada tiap2 minggu penduduk2 kampong di daerah itu telah kerja gotong royong yang di-pimpin oleh penghulu2 dan wakil2 ra'ayat untuk membalik jalan2 di-kampung masing2



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31